

# Tasik Ringlet 'tong sampah'

» Setiap minggu TNB mengeluarkan kira-kira 2 tan sisa pepejal

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaffar@bh.com.my

► Cameron Highlands

**T**asik Ringlet di Lembah Bertam, di sini, yang menampung air bagi menjana tenaga elektrik di Empangan Hidroelektrik Sultan Abu Bakar, dipenuhi sampah dan sisa pepejal domestik termasuk perabot dan perkakasan barangan elektrik.

Setiap minggu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dilaporkan mengeluarkan kira-kira dua tan sisa pepejal seperti perabot, botol, kayu serta atap plastik dari tasik berkenaan.

Perkara itu didedahkan pakar pengurusan air yang juga Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Beliau berkata, TNB dilaporkan membelanjakan RM300,000 setahun untuk membersihkan

permukaan dan dasar tasik daripada pelbagai jenis sampah dan sisa pepejal yang mencecah 200 tan setahun.

**Tapi kesedaran rendah**

Katanya, ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat mengenai penjagaan dan pemeliharaan sungai masih rendah.

"Meraka tidak sepatutnya berterusan menjadikan sungai dan tasik sebagai 'tong sampah' dan akhirnya menyumbang kepada banjir lumpur seperti pada Oktober tahun lalu, yang meragut empat nyawa.

"Justeru, semua pihak termasuk penduduk, pihak berkuasa, kerajaan negeri dan TNB perlu menyedari dan meningkatkan peranan serta tanggungjawab masing-masing bagi mengelak tragedi banjir lumpur berulang," katanya, di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan mendapati pelbagai langkah keselamatan diambil pihak berkuasa tempatan dan TNB termasuk pemasangan papan tanda amaran, siren tambahan dan lampu amaran dalam lingkungan enam kilometer.

Malah, program kesedaran awam mengenai aspek keselamatan empangan juga dilaksanakan selepas setahun tragedi banjir lumpur itu oleh TNB, pihak berkuasa tempatan, jabatan dan agensi kerajaan berkaitan.



TNB melakukan kerja pengorekan mendapan keladak dan sampah sarap yang memenuhi Tasik Ringlet, Lembah Bertam, Cameron Highlands.

FAKTA NOMBOR

200  
tan

sampah dikeluarkan dari tasik setahun